

# Kempen PruBSN Ihsan Jariah Bersama - Dilanjutkan sehingga 30 April 2023 Terma dan Syarat

- Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
- Tempoh Kempen: 1 Mac 2023 hingga 30 April 2023, termasuk kedua-dua tarikh ini.
- Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan butiran nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel dan nombor telefon yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum sebelum 30 Jun 2023.
- Syarat Kelayakan Kempen:
  - Pelanggan yang Layak adalah Pelanggan yang:
    - Menyertai mana-mana sijil baharu (Bisnes Baru) **PruBSN WarisanPlus, PruBSN AnugerahPlus, PruBSN Aspirasi** atau **PruBSN Anggun** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 5 di bawah; dan
    - Menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dari 1 Mac 2023 hingga 30 April 2023 (termasuk kedua-dua tarikh ini), dimana sijil tersebut diluluskan dan dikeluarkan selewat-lewatnya pada 15 Mei 2023 ("Sijil yang Layak").
  - Sijil yang Layak hendaklah berkuat kuasa dengan tiada sumbangan tertunggak pada 30 Jun 2023.
  - Pembayaran sumbangan** haruslah dilakukan melalui salah satu daripada kaedah pembayaran berikut:
    - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch, atau**
    - Debit Terus diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch**
 Kaedah pembayaran di atas mestilah dikemaskini sebelum 30 Jun 2023 dan pendaftaran dalam talian mestilah dikekalkan sehingga derma dilaksanakan.
- Bagi setiap Sijil yang Layak yang memenuhi Syarat Kelayakan Kempen yang dinyatakan di dalam Perenggan 4 di atas, **PruBSN akan menderma RM10 ke dana PruBSN Prihatin untuk inisiatif PruBSN Microtakaful Jariah:**

Pelan	Syarat Kelayakan Setiap Sijil	Derma Setiap Sijil
PruBSN WarisanPlus	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kaedah pembayaran seperti dinyatakan dalam 4) c di atas; dan</li> <li>Dilampirkan rider Ihsan</li> </ul>	<b>PruBSN akan menderma RM10 ke dana PruBSN Prihatin untuk inisiatif PruBSN Microtakaful Jariah</b>
PruBSN AnugerahPlus		
PruBSN Aspirasi		
PruBSN Anggun		

- Rider Ihsan dan PruBSN Microtakaful Jariah
  - Rider Ihsan adalah rider pilihan untuk tujuan derma serendah RM5 sebulan. Semua hasil derma akan disalurkan ke dana PruBSN Prihatin untuk inisiatif PruBSN Microtakaful Jariah yang bertujuan membiayai perlindungan pelan takaful percuma kepada ketua keluarga yang layak bagi keluarga miskin dan miskin tegar.
  - Microtakaful Jariah adalah salah satu inisiatif yang ditawarkan oleh PruBSN Prihatin yang bertujuan untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah dan menyediakan akses kepada produk Takaful. Program ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia yang menyediakan perlindungan hayat bertempoh setahun bagi ketua isi rumah di bawah garis kemiskinan (B40) tanpa sebarang kos. Untuk maklumat lanjut mengenai PruBSN Microtakaful Jariah, anda boleh rujuk <https://www.prubsn.com.my/ms/caring-for-society/prubsn-microtakaful-jariah>.
- Pelanggan yang Layak bagi Sijil yang Layak menderma akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch, berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi dalam sistem PruBSN.
- Bagi Pelanggan yang Layak dengan penyerahan dari 1 Mac hingga 31 Mac 2023 dan sijil diluluskan selewat-lewatnya pada 15 April 2023, derma untuk PruBSN Microtakaful Jariah akan dilaksanakan mulai 30 Jun 2023. Bagi Pelanggan yang Layak yang lain dengan sijil diluluskan selewat-lewatnya pada 15 Mei 2023, derma untuk PruBSN Microtakaful Jariah akan dilaksanakan mulai 30 Julai 2023.
- Derma yang dilaksanakan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.
- Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act, UK Bribery Act, Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009*, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.
- Keputusan PruBSN terhadap pemberian derma tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidangkuasa Mahkamah di Malaysia.
- Terma dan syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.